

UPM cadang maju harta tanah jana ekonomi sendiri

SERDANG: Universiti Putra Malaysia (UPM) bercadang membina kompleks beli-belah, apartmen, ruang pameran automotif dan rumah kedai bagi menjana pendapatan sendiri selepas melaksanakan autonomi sepenuhnya.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Ir Radin Umar Radin Sohadi, berkata langkah itu sudah pun dilakukan di universiti lain di rantau ini seperti Universiti Chulalongkorn, Thailand dan Universitas Indonesia serta Institut Teknologi Bandung di Indonesia.

Selain mendapat sumber kewangan yang kukuh, beliau berkata, pembangunan harta tanah di kawasan strategik itu bertujuan mengekalkan pemilikan tanah berkenaan

oleh universiti.

Beliau berkata, tahun lalu saja ada lima cadangan pihak swasta untuk mengambil-alih beberapa bidang tanah yang masih kosong di UPM Kampus Serdang untuk projek pembangunan seperti pembinaan lebuh raya.

"Mengikut akta sekarang, uni-



Bagaimanapun, selepas mendapat autonomi, kita dibenarkan mencari sumber pendapatan sendiri 99

Radin Umar Radin Sohadi
Naib Canselor UPM

versiti awam tidak boleh mengadakan sebarang kegiatan yang tidak berkaitan dengan pendidikan kerana kita menerima dana dari kerajaan.

"Bagaimanapun, selepas mendapat autonomi, kita dibenarkan mencari sumber pendapatan sendiri dan sasaran UPM ialah memperoleh sehingga 70 peratus daripada kos operasi daripada dana sendiri.

"Universiti Chulalongkorn membiayai sehingga 70 peratus dari kos operasinya daripada harta tanah. Jika ada peluang, kita pun boleh mengikuti langkah mereka," katanya kepada pemberita selepas Perutusan Naib Canselor 2012 di sini, semalam.

Kementerian Pengajian Tinggi

sebelum ini memberi autonomi kepada UPM, Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Autonomi itu antara lain membolehkan semua universiti berkenaan menjana pendapatan sendiri, mendapat kuasa untuk memilih pelajar dan kebebasan dalam pengurusan sumber manusia.

Radin Umar berkata, dengan sumber pendapatan sendiri yang kukuh, UPM lebih bebas untuk mewujudkan lebih banyak biasiswa bagi mendapat pelajar cemerlang dan mewujudkan skim gaji sendiri untuk tenaga pengajar serta penyelidik terbaik termasuk dari industri.